

# LARI IKUT RENTAK LAGU

Acara sihat dan santai sesuai untuk orang muda



**Hazril Md Nor**

Gen.y@hmetro.com.my

**Seminggu** sebelum penganjurannya, Festival Larian Muzik edisi ketiga anjuran AIA mencipta aura tersendiri apabila hangat diperkatakan di laman sosial.

Ternyata, sambutannya cukup meriah apabila 20,000 peserta membanjiri Litar Antarabangsa, Sepang minggu lalu.

Acara merangkumi trek larian lima kilometer (km) ini mengajak peserta berlari sambil mendengar muzik dengan genre berbeza melalui lima zon iaitu rock, pop, old school, hip hop dan dansa.

Dengan kerjasama aplikasi muzik digital Spotify, peserta dapat menentukan muzik pilihan mereka di setiap zon dengan memilih senarai muzik.

Lagu dengan jumlah undian tertinggi kemudian dimainkan dalam larian mengikut zon sekali gus mewujudkan pengalaman luar biasa dalam acara

larian berkonsepkan santai.

Naib Presiden Kanan Exceed Sports and Entertainment Chris Cable selaku penganjur acara berkata, festival ini sesuai untuk orang muda dengan gaya hidup aktif dan sihat.

“Music Run dianjurkan secara global namun di Malaysia, ia acara terbesar dan terbaik pernah dianjurkan.

“Justeru itu, kami berharap lebih ramai rakyat Malaysia terutama golongan muda dapat kesedaran untuk menjalani gaya hidup lebih sihat pada masa depan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd Anusha Thavarajah, berkata sambutan kali ketiga ini lebih meriah berbanding tahun lalu.

“Seramai 20,000 peserta mengambil bahagian dan bilangan ini melebihi rekod tahun lalu seramai 15,000 peserta.

“AIA komited untuk

menolong rakyat Malaysia menjalani gaya hidup lebih sihat dan tahun ini menunjukkan peningkatan positif untuk mencapai matlamat itu,” katanya.

Kelainan dapat dilihat tahun ini apabila cef selebriti, Cef Malcolm Goh dijemput menyediakan dua hidangan berkalori rendah untuk dinikmati peserta selepas larian.

Hidangan itu disediakan untuk menyedarkan generasi kini selain larian dengan rentak muzik, kita juga perlu menitikberatkan menu bersesuaian selepas larian sesuai keperluan zat badan.

Setiap pilihan makanan juga berpatutan iaitu pada harga RM8 sekali gus menunjukkan makanan berkhasiat sebenarnya tidak membabitkan kos tinggi untuk disediakan.

## PENGALAMAN KALI PERTAMA

Peserta, Ruzaisha Abdul

Razak, 22, menyifatkan festival ini antara paling menarik pernah disertainya sepanjang pembabitan dalam acara berkaitan.

“Sebelum ini saya tak pernah sertai larian sebegini dan ia satu kelainan. Saya penggemar muzik moden dan mendapat tahu mengenai larian ini daripada kenalan.

“Bagi saya, peserta hadir bukan saja untuk berlari tapi menikmati keseronokan dengan adanya aktiviti lain dan menunggu pesta After Party dikelolakan DJ Sam Withers di Music Village pada sebelah malam.

“Sebenarnya kalau larian itu disertakan muzik, ia jadi lebih seronok kerana anggota badan terasa lebih ringan menari mengikut rentak. Penari pula pastinya lebih seronok mempertontonkan kemahiran mereka sepanjang berada di litar,” katanya.



**PESERTA** menikmati larian sepanjang lima kilometer.



**ANTARA** aktiviti lain berlangsung di The Music Village.

